

22 OCT 2001

Syed Hamid-Keganasan

MALAYSIA DIPILIH SERTAI JAWATANKUASA KOMANWEL MENGENAI KEGANASAN

KUALA LUMPUR, 22 Okt (Bernama) -- Malaysia telah dipilih menganggotai sebuah jawatankuasa terdiri daripada 10 negara Komanwel untuk membincangkan isu keganasan.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata jawatankuasa peringkat menteri itu akan mengadakan mesyuarat pertamanya di London pada 19 Nov ini.

"Beberapa negara telah dipilih menganggotainya dan saya akan mewakili Malaysia bagi membincangkan soal keganasan dan bagaimana mengatasinya," katanya pada sidang media di lobi Parlimen di sini hari ini.

Selain Malaysia, negara lain yang turut menganggotai jawatankuasa itu ialah Australia, United Kingdom, Bahamas, Kanada, India, Afrika Selatan, Sri Lanka, Tanzania dan Tonga.

Malaysia sebelum ini menyuarakan pandangan supaya diadakan dialog peringkat antarabangsa bagi menangani masalah keganasan.

Syed Hamid yang baru pulang dari sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) malam tadi, berkata pandangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai perlunya dialog untuk menangani keganasan antarabangsa, dipersetujui banyak negara.

Negara lain termasuk China dan Russia bersetuju dengan pandangan Malaysia supaya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) memainkan peranan utama dalam menyelesaikan masalah keganasan dan bukannya dilakukan oleh negara atau kumpulan tertentu, katanya.

"Hanya soal masa sahaja dan yang penting ialah soal banteras, kita hendak lihat bukan negara atau kumpulan tertentu menentukan tetapi PBB," tegas beliau.

Mengenai pertemuan Dr Mahathir dengan Presiden Amerika Syarikat George W. Bush sempena Apec, Syed Hamid berkata Bush telah menyuarakan pandangannya bahawa walaupun pada masa tertentu Malaysia dan Amerika berbeza pendapat, tetapi tidak sepatutnya merenggangkan hubungan kedua-dua negara.

Katanya pertemuan kedua-dua pemimpin itu diadakan dalam suasana mesra dan Bush telah menunjukkan minat mendengar pandangan Dr Mahathir dan bertukar fikiran dalam isu membanteras keganasan serta pandangan dan pendirian negara Islam terhadap tindakan Amerika ke atas Afghanistan.

Bush juga menyatakan hasratnya mahu menjalin dan merapatkan lagi hubungan dua hala antara Amerika dengan Malaysia, katanya.

Sementara itu, Syed Hamid berkata Wisma Putra tidak menerima sebarang maklumat mengenai laporan yang mengatakan seorang rakyat Malaysia adalah antara sekumpulan pejuang Taliban yang ditahan tentera Pakatan Utara sebagai banduan perang di Afghanistan.

"Saya tidak tahu laporan itu... saya tidak boleh sahkan bila tiada maklumat," katanya.

Beliau meminta media tidak menggunakan maklumat yang diperolehi oleh saluran berita asing sekiranya maklumat berkenaan tidak begitu pasti.

-- BERNAMA

RZS NZ RON